

## **Faktor Penentu Sikap dan Kepercayaan Kanak-Kanak di Sabah Mengenai makanan dan Pemakanan**

### **Abstract**

Kertas kerja yang bersifat empirik ini membincangkan sebahagian isu yang ditinjau dalam kajian yang penulis laksanakan. Secara khusus, kertaskerja ini mengupas berhubung dengan faktor-faktor yang menentukan pemilihan makanan dalam kalangan kanak-kanak di negeri Sabah, Malaysia. Pelbagai faktor yang dijangka mempengaruhi jenis makanan kanak-kanak telah diambilkira termasuklah faktor biologi, psikologi, sikap dan kepercayaan, ekonomi dan fizikal, sosial, persekitaran keluarga dan rakan sebaya. Peranan media turut diberi perhatian khusus terutama sekali dalam aspek peranan pengiklanan. Seramai 804 responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada kanak-kanak berumur dalam lingkungan 7-12 tahun. Kajian mendapati iklan memainkan peranan yang terpenting dalam menentukan pemilihan makanan kanak-kanak di Sabah, Malaysia. Faktor keluarga dan ibubapa, gaya hidup dan rakan sebaya turut memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam mempengaruhi sikap dan kepercayaan kanak-kanak dalam konteks makanan dan pemakanan mereka.